

**OBJEKTIF KERTAS KERJA
PERANAN KEGIATAN KOKURIKULUM DALAM PROSES
PENDIDIKAN**

Kegiatan kokurikulum merupakan elemen kedua penting dalam proses pendidikan kerana ianya merupakan pelengkap kepada kurikulum formal. Banyak orang keliru diantara kurikulum dan kokurikulum. Sehubungan dengan itu kertas kerja ini dibuat untuk memberikan informasi dan pengetahuan mengenai kegiatan kokurikulum dengan berobjektifkan perkara-perkara berikut ;

1. Memberikan kefahaman mengenai falsafah dan matlamat pendidikan negara yang berkaitan dengan pendidikan kokurikulum
2. Memberikan kefahaman mengenai matlamat dan fungsi Jabatan Pendidikan Kokurikulum.
3. Memberikan kefahaman mengenai falsafah pendidikan kokurikulum.
4. Menyalurkan maklumat mengenai kegiatan-kegiatan kokurikulum yang dikendalikan di sekolah-sekolah.
5. Meningkatkan kesedaran tentang pentingnya bergiat aktif dalam kegiatan kokurikulum.
6. Mengongsikan cabaran-cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaan kegiatan kokurikulum.

Adalah diharapkan ilmu yang dikongsikan ini akan mendatangkan manfaat kepada semua yang membaca, mahupun mereka yang hadir ke majlis penyampaian kertas kerja ini dan semoga kita memperolehi rahmat dari Allah SWT. Amin!

KANDUNGAN

- **Muqaddimah** 1
- **Falsafah Pendidikan Negara** 1 – 3
 - Dasar Pendidikan
 - Matlamat Pendidikan
- **Penubuhan Jabatan Pendidikan Kokurikulum** 3 – 6
 - Tanggungjawab Jabatan
 - Matlamat Jabatan
 - Fungsi dan Peranan Jabatan
- **Falsafah Pendidikan Kokurikulum** 6 – 7
- **Perlaksanaan Kegiatan Kokurikulum Di Sekolah-Sekolah** 7 – 10
 - Kegiatan Jasmani
 - Kegiatan Akli
 - Kegiatan Rohani
 - Kegiatan Pasukan Beruniform
 - Pencapaian
- **Keperluan Pendidikan Kokurikulum** 10 - 14
 - Meningkatkan Kualiti Kesihatan
 - Meningkatkan Kualiti Sumber Tenaga Manusia
 - Mempertahankan dan Mengembangkan Nilai-Nilai Tradisi Dan Budaya Negara
 - Menyediakan Atlit Bagi Mewakili Negara Di Kejohanan Kebangsaan dan Serantau
 - Menyediakan Cendekiawan Muda Ke Pertandingan Dan Perhimpunan Intelektual Serantau Dan Antarabangsa
- **Cabaran Perlaksanaan Kegiatan Kokurikulum** 14 – 20
 - Penambahan Prasarana Dan Kemudahan Fizikal Untuk Melaksanakan Kegiatan Kokurikulum
 - Penambahan Peralatan-Peralatan Kegiatan Kokurikulum
 - Peningkatan Kemahiran Dan Latihan Dikalangan Guru-Guru
 - Penambahan Sumber Kewangan
 - Penambahan Bantuan dan Sokongan
 - Peningkatan Penglibatan Dan Komitmen Pelajar Dalam Kegiatan Kokurikulum
- **Rumusan** 20

KERTAS KERJA

PERANAN KEGIATAN KOKURIKULUM DALAM PROSES PENDIDIKAN

MUQADDIMAH

Kegiatan kokurikulum merupakan kegiatan-kegiatan yang dikendalikan di luar bilik darjah dan ianya merupakan pelengkap kepada kurikulum formal dalam proses pendidikan untuk melahirkan pelajar yang seimbang dari segi intelek, afektif dan psikomotor. Ini bermakna dalam proses pendidikan dua elemen ini iaitu kurikulum dan kokurikulum merupakan tanggungjawab pendidik yang perlu dilaksanakan dengan sebaik-baiknya bagi melahirkan pelajar yang cergas, cerdas dan berkemahiran.

FALSAFAH PENDIDIKAN NEGARA

Pendidikan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam adalah usaha yang berterusan bersumberkan ilmu naqli dan aqli kearah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh bagi melahirkan insan yang berilmu, beriman, beramal, berkepandaian, bertakwa, amanah, bertanggungjawab serta berakhlak mulia. Segala usaha ini akan mewujudkan masyarakat berilmu dan berwawasan yang akan menyumbang kepada keamanan dan kemakmuran keluarga, masyarakat, negara dan sejagat serta akan menimbulkan suatu identiti kebangsaan berdasarkan falsafah Melayu Islam Beraja bersendikan ajaran-ajaran agama Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah sebagai tapak pertumbuhan dan pengukuhan ketaatan kepada agama, raja dan Negara Brunei Darussalam.

Antara Dasar Pendidikan Mengenai Kegiatan Kokurikulum

Menyediakan program perkembangan dan pembangunan diri melalui kegiatan-kegiatan kokurikulum yang sesuai dengan falsafah negara.

Antara Matlamat Pendidikan Yang Berkaitan Dengan Pendidikan Kokurikulum

Memupuk setiap individu dengan sikap bertanggungjawab dan taat setia kepada raja, mematuhi undang-undang serta cintakan keamanan dan perpaduan.

Memupuk setiap individu dengan perkembangan yang lengkap dari segi kerohanian, akhlak dan moral, fizikal, intelektual, sosial dan bakat estetik untuk menjadikannya warganegara dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang mendukung falsafah negara.

Membentuk individu dengan sikap percaya dan yakin pada kebolehan diri sendiri, kreatif, inovatif dan cemerlang dalam pelbagai bidang dan mempunyai sifat jati diri, cintakan bangsa dan negara, serta peka kepada perubahan-perubahan yang berlaku di dalam negara dan sejagat demi menyesuaikan dengan keadaan semasa serta bersesuaian pula dengan nilai-nilai budaya, etika serta hasrat bangsa dan negara.

Mempercepatkan kemajuan sumber tenaga manusia yang berkemahiran, berkecekapan dan berkualiti dalam berbagai-bagai bidang yang diperlukan, rasional, cekap, amanah dan

bertanggungjawab bagi membolehkannya memperbaiki taraf kehidupan dan memberikan sumbangan terhadap pembangunan negara.

Memastikan setiap individu memupuk dan mempertahankan nilai-nilai dan norma-norma kebudayaan masyarakat Brunei yang berteraskan falsafah negara.

Menanam sikap cintakan alam sekitar dan memelihara keseimbangan ekologi dan keutuhan muka bumi.

PENUBUHAN JABATAN PENDIDIKAN KOKURIKULUM

Berdasarkan kepada Falsafah, Dasar dan Matlamat-Matlamat Pendidikan ini makanya tertubuh Unit Kegiatan Luar di Jabatan Sekolah-Sekolah di Kementerian Pendidikan. Bagaimanapun dengan perkembangan yang pesat dalam dunia pendidikan, pada tahun 1995 unit ini telah dinaikkan taraf menjadi Jabatan Pendidikan Kokurikulum dengan fungsi dan tanggungjawabnya yang semakin meluas.

Tanggungjawab

Merujuk Surat Keliling Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam Bil : 2 / 1995 bertarikh 8 Jamadilakhir 1415 / 1 November 1995, rujukan KPE/M7/42/95 fungsi dan tanggungjawab Jabatan Pendidikan Kokurikulum telah dinyatakan seperti berikut :

1. Sebagai pusat perancangan dan pelaksanaan serta sumber dan penggerak segala kegiatan-kegiatan tambahan di sekolah-sekolah rendah, menengah dan maktab-maktab seluruh negara dari segi :

1.1. Merancang, menyelaras, menyelia, menasihati, membimbing, melatih dan seterusnya menilai kegiatan-kegiatan tambahan.

1.2. Mengadakan projek-projek latihan, kursus, seminar dan bengkel bagi maksud memperkembangkan kegiatan-kegiatan.

1.3. Merancang dan menyelaras peruntukan dan kemudahan bagi pelaksanaan kegiatan-kegiatan.

1.4. Sebagai penasihat dan penyelaras kepada sekolah-sekolah dan maktab-maktab yang ingin menganjur / mengelola kegiatan-kegiatan masing-masing.

1.5. Sebagai penganjur, pengelola dan pelaksana secara langsung kegiatan-kegiatan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa apabila Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah.

2. Sebagai penyelaras dan penghubung di antara pihak sekolah / maktab dengan pihak luar :

2.1. Bekerjasama dengan kementerian-kementerian lain dalam acara perayaan dan antarabangsa yang melibatkan sekolah / maktab.

- 2.2. Bekerjasama dengan kementerian-kementerian dan agensi-agensi lain seperti kegiatan-kegiatan yang berhubung dengan pasukan beruniform (Kadet Tentera, Kadet Polis, Pengakap, Pandu Puteri dan Bulan Sabit Merah).
3. Sebagai penghubung, penyelaras, penasihat dan memberi maklumat kepada pihak sekolah / maktab berhubung dengan penglibatan / penyertaan sekolah / maktab dengan pihak yang berkenaan (dalam dan luar negara).
4. Bertanggungjawab memberikan nasihat, penilaian dan penghargaan atas usaha bakti dan pencapaian guru-guru dan pelajar-pelajar secara perseorangan, kumpulan mahupun keseluruhan (sekolah / maktab).
5. Bertanggungjawab atas kerja-kerja yang diarahkan oleh Kementerian Pendidikan seperti mengaturkan lawatan, persembahan kebudayaan dan sebagainya seperti dalam seminar, symposium, masyuarat di peringkat anatarabangsa apabila Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah.

Matlamat Pendidikan Kokurikulum

1. Untuk melahirkan generasi pelajar yang berwibawa, berdisiplin, bersemangat, berwawasan dan tahan lasak disamping menyemai sifat-sifat dan nilai-nilai murni dan luhur untuk membolehkan pelajar-pelajar menimba ilmu pengetahuan dan

- mempelajari kemahiran-kemahiran asas dan mengembangkannya demi untuk mencapai kecemerlangan.
2. Untuk melibatkan seberapa banyak pelajar yang melibatkan diri dalam kegiatan kokurikulum.
 3. Untuk menjadikan pelajar yang dapat merancang program-program riadah yang sihat, bermanfaat serta selamat dalam menjalani cara hidup yang sihat.
 4. Untuk melahirkan pelajar-pelajar yang bukan sahaja mahir dalam akademik tetapi jua berkemahiran dalam bidang-bidang yang dapat menyumbang kepada pertumbuhan dan perkembangan jasmani, rohani, peribadi, intelek, emosi dan sosial yang menyeluruh dalam sama-sama mendukung tanggungjawab terhadap agama, raja, bangsa dan negara.
 5. Untuk mencungkil bakat-bakat pelajar dalam pendidikan kokurikulum sukan dan menyemai potensi mereka untuk menjadi elit sukan di masa akan datang.
 6. Untuk memberi peluang kepada guru-guru menjalani kursus-kursus dan latihan-latihan yang bersangkutan dengan pelaksanaan kegiatan kokurikulum yang berkesan di sekolah-sekolah rendah, menengah dan maktab-maktab.

Fungsi dan Peranan Jabatan Pendidikan Kokurikulum

- Mengendalikan, memantau dan memberikan bantuan terhadap perkembangan kegiatan kokurikulum melalui kegiatan-kegiatan jasmani, akli, rohani, pasukan-pasukan beruniform, latihan pusat dan ujian kecesgasan jasmani.

- Memajukan pembangunan sukan melalui pengendalian kejohanan-kejohanan di bawah 12 tahun, kejohanan di bawah 15 tahun, kejohanan di bawah 17 tahun di peringkat zon dan kebangsaan, Kejohanan Sukan Sekolah-Sekolah ASEAN, Kejohanan Sukan Sekolah-Sekolah Asia, Kejohanan Bolasepak Sekolah-Sekolah Asia dan Sekolah Sukan Negara Brunei Darussalam.
- Perkembangan Profesional dalam bidang kejurulatihan, bidang teknikal, bidang kebudayaan dan bidang kerohanian.
- Mengkoordinasi dan melaksanakan acara-acara kenegaraan seperti sambutan Hari Kebangsaan, sambutan Hari Keputeraan, sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam, Perbarisan dan Kerai'an Perkahwinan Diraja dan Perbarisan Pengibaran Bendera bagi lawatan-lawatan rasmi negara.
- Mengkoordinasi dan melaksanakan projek-projek serantau dan antarabangsa seperti ASEAN Schools Sports Council (ASSC), Asian Schools Sports Federation (ASSF), Asian Schools Sports Federation (ASSF), World schools Debating Council, UN Model, ASEAN-COCI, Kesenian dan Kebudayaan Jepun, India dan ASEAN dan International Arts Competition.

FALSAFAH PENDIDIKAN KOKURIKULUM

Gerak kerja kokurikulum diasaskan atas kepercayaan bahawa ;

1. Semua penuntut mempunyai bakat dan minat yang boleh dimajukan.
2. Semua penuntut boleh dididik dan mendidik diri sendiri dan rakan sebaya.

3. Semua penuntut harus mempunyai keseimbangan antara perkembangan mental (intelek) dengan perkembangan sosial, jasmani dan rohani.
4. Sekolah bertanggungjawab melahirkan penuntut untuk keperluan masyarakat.
5. Masyarakat juga bertanggungjawab dan boleh memainkan peranan dalam mendidik penuntut.

PERLAKSANAAN KEGIATAN KOKURIKULUM DI SEKOLAH-SEKOLAH

Satu garis panduan pelaksanaan kokurikulum di sekolah-sekolah telah pun diedarkan di mana setiap pelajar hanya dikehendaki untuk menyertai sekurang-kurangnya satu sahaja kegiatan atau semaksimumnya dua kegiatan dari 4 kategori kegiatan kokurikulum yang terdiri dari kegiatan jasmani, rohani, akli dan pasukan beruniform.

Kegiatan-kegiatan jasmani terdiri dari kegiatan senaman, sukan permainan dan olahraga .

Seperti berikut :

- Bolasepak
- Atletik
- Badminton
- Hoki
- Bola Jaring
- Pingpong
- Rentas desa
- Tennis

- Bola Tampar
- Bola Keranjang
- Sepak Takraw
- Silat Wiralaga
- Senaman dan Senamrobik
- Karatedo
- Taekwando

Kegiatan-kegiatan akli merangkumi aspek kesenian dan akademik yang antara lain meliputi ;

- Bahas Bahasa Melayu dan Inggeris
- Menulis esei
- Komputer
- Fotografi
- Pidato
- Kuiz
- Kumpulan Seruling
- Tarian Brunei Asli
- Gulingtangan
- Koir

Kegiatan-kegiatan rohani merangkumi aktiviti-aktiviti seperti ;

- Tilawah Al-Quran

- Menghafaz ayat-ayat lazim
- Fardhu Kifayah
- Nasyid
- Hadrah
- Azan
- Zikir

Kegiatan-kegiatan beruniform terdiri dari ;

- Pasukan Bulan Sabit Merah
- Pasukan Pengakap
- Pasukan Pandu Puteri
- Pasukan Kadet Tentera
- Pasukan Kadet Polis.

Selain daripada yang dinyatakan ini terdapat juga kegiatan-kegiatan seperti Badan Prefek dan Ketua Darjah, Pembimbing Rakan Sebaya, Kelab Kembara, Kelab Etnik dan sebagainya yang bersifat kepimpinan dan kemasyarakatan. Kegiatan-kegiatan ini berkembang melalui kebenaran dari pihak Pengetua bagi memenuhi keperluan, minat dan kecenderungan semasa.

Pencapaian

Penilaian terhadap kegiatan-kegiatan kokurikulum ini menunjukkan peningkatan jumlah aktiviti kokurikulum yang dikendalikan. Sehingga kini sebanyak 46 aktiviti yang merangkumi aktiviti rohani, jasmani, akli dan pasukan beruniform telah dikendalikan oleh Jabatan Pendidikan Kokurikulum.

Kadar penglibatan para pelajar dalam program-program kokurikulum di peringkat serantau dan antarabangsa adalah membanggakan, misalnya dalam bidang Sukan dan Olahraga, Bahas Dunia, Program Titian Minda dan Bridging Minds, pameran-pameran lukisan, pasukan-pasukan beruniform dan sebagainya. Walau bagaimanapun tahap pencapaian penyertaan-penyertaan tersebut belum lagi membanggakan. Dengan itu Jabatan Pendidikan Kokurikulum perlu sentiasa meneliti dan merangka strategi-strategi dan pendekatan-pendekatan yang berkesan bagi meningkatkan pencapaian.

Salah satu perkembangan yang dicapai dalam pendidikan kokurikulum ialah penubuhan Sekolah Sukan pada 13 Julai 2003. Penubuhan sekolah ini bertujuan untuk melahirkan atlet atau ahli sukan yang bertaraf serantau atau dunia, berdisiplin dengan tidak mengabaikan aspek akademik dan sukan agar selari dalam melahirkan atlet yang berpendidikan tinggi dan berkemahiran.

KEPENTINGAN PENDIDIKAN KOKURIKULUM

1. Meningkatkan Kualiti Kesihatan

Menurut Yang Berhormat Mantan Menteri Kesihatan Pehin Orang Kaya Seri Kerna Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong dalam ucapan perasmianya di pertandingan Dikir Dibaie Antara Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab-Maktab Senegara Tahun 2004 di Sekolah Menengah Sayyidina Hussin mengatakan bahawa kegiatan-kegiatan kokurikulum mempunyai hubungan yang rapat dengan kesihatan. Kesihatan adalah merupakan kurnia Allah SWT yang sangat berharga kepada manusia. Dengan adanya kesihatan, manusia akan dapat mengerjakan amal ibadah dengan baik serta menjadi tenaga produktif bagi membantu meningkatkan kemajuan dan mencapai kesejahteraan hidup. Perseimbangan dalam perkembangan akli, jasmani dan rohani adalah amat mustahak dalam sistem pendidikan kita khususnya bagi membentuk dan melahirkan pelajar yang cemerlang dan sempurna. Perkembangan dalam pendidikan ini penting sebagai benteng dalam mengharungi perubahan-perubahan yang dibawa oleh arus globalisasi.

Kesihatan fizikal berkait rapat dengan kesihatan mental kerana di badan yang sihat itu terletak otak yang cerdas. Justeru kerana itu, pakar-pakar perubatan banyak menyarankan tentang pentingnya manusia melakukan senaman dan melibatkan diri dengan kegiatan-kegiatan sukan bagi pertumbuhan fizikal yang kuat, perjalanan darah dan jantung yang sihat, keseimbangan berat badan dan kandungan kolestrol serta gula

dalam tubuh badan dan sebagainya. Kecergasan pada tubuh badan mampu memberikan kesan kepada perkembangan intelek dan pemikiran yang sihat lagi bernas.

Penglibatan dalam kegiatan kokurikulum memberikan pengajaran dan pengalaman bagaimana mengamalkan cara hidup sihat. Ini termasuklah menghalusi amalan-amalan fardhu kifayah dalam kegiatan rohani, mencintai dan mengamalkan kebersihan diri dan alam sekitar, melakukan kegiatan-kegiatan riadah yang bermanfaat untuk kesihatan dan perkembangan diri dan sebagainya. Mengamalkan cara hidup yang sihat sangat-sangat dituntut oleh Islam kerana kebersihan itu adalah sebahagian daripada iman.

2. Meningkatkan Kualiti Sumber Tenaga Manusia

Sebahagian besar kegiatan-kegiatan kokurikulum ini membantu dalam membangunkan dan mengembangkan sahsiah diri pelajar-pelajar. Melalui penglibatan aktif dan pengalaman yang dilalui dan diperolehi, kegiatan kokurikulum dapat mengembangkan akhlak dan disiplin diri yang terpuji, daya kepimpinan yang kreatif, inovatif dan dinamik, menepati dan menggunakan masa dengan berkesan, interaksi sosial yang harmoni, kemahiran berkomunikasi secara tertib dan berkesan, nilai-nilai ketahanan yang kuat serta mewujudkan persaingan yang sihat. Semua unsur-unsur ini amat diperlukan dalam pembangunan insan dan masyarakat bagi kesinambungan negara yang maju, aman dan makmur.

Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pernah bertitah yang antara lain... “ Jati diri pelajar bukan sahaja setakat rajin belajar, tetapi juga mesti memiliki nilai-nilai ketahanan yang kuat, sehingga dengannya, kita tidak mudah dihanyutkan oleh arus budaya yang tidak baik...” Seterusnya Baginda bertitah... “Para pelajar mestilah diasuh untuk memilik minda yang tajam. Biar mereka mampu berfikir untuk puluhan tahun ke hadapan, bukan sempit tempurung tempat sang katak menginap. Pelajar yang berfikiran jauh akan melihat masa depan negaranya dengan penuh cemas, bukan dengan mimpi-mimpi yang indah yang tidak keruan...”

Pembangunan dan kemajuan negara di masa hadapan banyak bergantung kepada kecekapan dan kompetensi pemimpin-pemimpinnya. Pelajar-pelajar hari ini adalah pemimpin hari esuk. Mereka tidak hanya di asuh dengan ilmu pengetahuan malah bakat kepimpinan yang ada pada diri mereka itu perlu digilap, diperkembangkan dan dimajukan melalui kegiatan kokurikulum. Mereka perlu keyakinan diri, berfikiran kritikal, kreatif dan berinovatif, interaksi sosial yang positif, semangat kerja berpasukan, tabah dan cekal dalam mengharungi cabaran, punya wawasan dan mampu menterjemahkan impian mereka menjadi kenyataan. Semua elemen-elemen ini dapat di praktikkan dalam kegiatan-kegiatan kokurikulum sebagai pendedahan dan pengalaman berharga sebelum mereka mengharungi cabaran-cabaran sebenar. Kemantapan kepimpinan ini akan mencorakkan kemajuan dan pembangunan negara yang berterusan dan berkekalan.

3. Mempertahankan dan Mengembangkan Nilai-Nilai Tradisi dan Budaya Negara

Nilai-nilai tradisi dan kebudayaan negara merupakan khazanah negara yang sangat berharga untuk diwariskan kepada generasi muda sebagai identiti dan jati diri bangsa yang taat setia dan unik. Penglibatan pelajar-pelajar dalam kegiatan-kegiatan kokurikulum yang berunsurkan kenegaraan memupuk taat setia dan kecintaan kepada agama, raja, bangsa dan negara. Semangat patriotisme ini penting bagi ketahanan nasional. Begitu juga dengan penglibatan pelajar-pelajar dalam kegiatan kokurikulum seperti permainan hadrah, tarian asli, dikir serafil anam dan sebagainya mampu mempertahankan nilai-nilai tradisi dan kebudayaan Brunei ini mantap dan berkembang dan tiada terkubur oleh kepesatan perkembangan sains dan teknologi. Ianya begitu dikagumi, unik dan unggul dan menjadikannya sebagai nilai-nilai yang signifikan dan sinonim bagi negara ini.

4. Menyediakan Atlit bagi Mewakili Negara Di Kejohanan Kejohanan Kebangsaan dan Serantau

Negara Brunei Darussalam merupakan ahli aktif dalam Pertubuhan Negara-Negara ASEAN dan Asia. Brunei mempunyai komitmen yang tinggi dalam Majlis Sukan Sekolah-Sekolah ASEAN (ASSC), Federasi Sukan Sekolah-Sekolah Asia (ASSF) dan Federasi Bolasepak Sekolah-Sekolah Asia (ASFF). Setiap tahun 8 hingga 10 kejohanan dilaksanakan dan disertai oleh negara seperti Kejohanan Bolasepak Di bawah 17 tahun

dan 15 tahun, Kejohanan Badminton, Kejohanan Bolajaring, Kejohanan Renang, Kejohanan tenpin Bowling, Kejohanan Tennis, Kejohanan Sepak Takraw, Kejohanan Ping Pong dan Kejohanan Olahraga, Pemain-pemain yang mewakili Negara adalah terdiri dari pelajar-pelajar yang menyandang pingat-pingat emas dan perak dalam kejohanan-kejohanan kokurikulum yang dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Kokurikulum. Mereka ini akan menjalani latihan secara berkala pada hujung minggu dan latihan pusat dan intensif bila kejohanan semakin hampir. Pelajar-pelajar yang memperolehi pingat di kejohanan-kejohanan ini pula biasanya dicalonkan untuk Anugerah Galakan Sukan, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

Bagi mereka yang berkecimpung dalam kegiatan akli seperti pertandingan bahas dan berpidato, mereka yang cemerlang akan mewakili negara ke Program Titian Minda dan Bridging Minds, Pertandingan Bahas Dunia dan Model Perhimpunan Bangsa-bangsa Bersatu. Manakala yang berbakat dalam seni lukisan pula akan menyertai Pertandingan Lukisan Antarabangsa di Jepun.

5. Menyediakan Cendekiawan Muda Ke Pertandingan dan Perhimpunan Intelektual Serantau Dan Antarabangsa.

Pusat Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Kementerian Pendidikan, ringkasnya STEP, berperanan memilih pelajar yang berkecimpung aktif dalam kegiatan-kegiatan Science, Mathematics, Computer dan Geography ke pertandingan-pertandingan ataupun perhimpunan cendekiawan muda di luar negara. Diantara pertandingan-pertandingan

intelektual yang disertai negara termasuklah International Mathematics And Science Olympiad, International Biology Olympiad, Asian Physics Olympiad, International Mathematics Olympiad, Asian Pacific Mathematics Olympiad, SEAMEO Mathematics Olympiad, ASEAN Primary Schools Mathematics And Science Olympiad, International Junior Science Olympiad, Asian Broadcasting Union Robot Contest (ABU ROBOCON) dan World Robotic Competition.

Selain itu pelajar-pelajar juga dipilih dan dihantar bagi menghadiri perhimpunan cendekiawan muda bagi program-program seperti Regional Congress : Search For SEAMEO Young Scientist, UNEP Millennium Youth Forum, APEC Youth Science Festival, APEC Summer Camp For Gifted Students, ASEAN Students Exchange Programmes, ASEAN – Japan Exchange Project, Asia Europe Scientists Of Tomorrow Programme, Science And Technology Camp, Spaceship Earth Junior Conference, Hugh O'Brian Youth Leadership : World Leadership Congress, International Children's Conference On The Environment, Genesis National Science And Technology Fair, ASEAN – ROK Future Oriented Cooperation Project dan sebagainya.

CABARAN PERLAKSANAAN KEGIATAN KOKURIKULUM

Dua kajian mengenai pelaksanaan kegiatan kokurikulum telah dilaksanakan oleh pegawai-pegawai Jabatan Pendidikan Kokurikulum. Pada tahun 2000, kajian telah dibuat ke atas sekolah-sekolah menengah di seluruh negara oleh Ali bin Haji Ismail, Ketua Kegiatan Luar untuk tesis kerjanya yang berjudul Tinjauan Pengurusan dan

Pentadbiran Aktiviti Kokurikulum Sukan dan permainan Di Sekolah-sekolah Menengah di Negara Brunei Darussalam. Dari bulan Januari hingga Mei 2005 kaji selidik ke atas kesemua sekolah-sekolah rendah kerajaan seluruh Negara telah dikendalikan oleh Unit Penyelidikan dan Perkembangan Staf Jabatan Pendidikan Kokurikulum dan dimuatkan dalam laporan soal selidik ke Kementerian Pendidikan. Hasil dari kedua-dua kajian dan penyelidikan tersebut dapatlah dirumuskan bahawa terdapat lima isu yang menjadi cabaran kepada perkembangan kegiatan kokurikulum di Negara ini iaitu :

1. Penambahan prasarana dan kemudahan fizikal untuk melaksanakan kegiatan kokurikulum.
2. Penambahan peralatan-peralatan kegiatan kokurikulum
3. Peningkatan kemahiran dan latihan dikalangan guru-guru.
4. Penambahan sumber kewangan
5. Penambahan bantuan dan sokongan.
6. Peningkatan penglibatan dan komitmen pelajar dalam kegiatan kokurikulum.

1. Penambahan prasarana dan kemudahan fizikal untuk mengendalikan kegiatan-kegiatan luar

Isu ini merupakan cabaran utama yang dihadapi oleh Jabatan Pendidikan Kokurikulum sendiri, sekolah-sekolah menengah dan sekolah-sekolah rendah seluruh Negara. Dari sudut jabatan ianya tidak mempunyai prasarana atau kompleksnya tersendiri untuk mengendalikan kejohanan-kejohanan, kursus-kursus dan latihan atau pertandingan-pertandingan baik dalam kegiatan jasmani, akli mahupun rohani. Keseluruhan

kejohanan sukan bergantung kepada kemudahan yang terdapat di Kementerian Belia dan Sukan dan dewan-dewan permainan sekolah-sekolah, agensi-agensi kerajaan dan swasta. Acara-acara akli dan rohani pula banyak menggunakan dewan-dewan permainan dan perkumpulan. Ianya bertembung dengan penggunaan sekolah dan musim-musim peperiksaan dalaman dan awam. Implikasinya ialah penjejasan kelancaran kejohanan dan pertandingan jasmani, akli dan rohani kerana ianya bergantung kepada kekosongan prasarana-prasarana serta kemudahan fizikal berkenaan.

Dari sudut sekolah, baik ianya menengah atau rendah mengalami masalah ketiadaan padang dan dewan permainan. Ketiadaan padang menyebabkan acara-acara sukan padang, olahraga dan permainan tidak berjalan lancar. Begitu juga penggunaan dewan pula terhad untuk perkumpulan dan peperiksaan serta acara-acara akademik dan sebahagian besarnya tidak bersifat “multi-purpose” yang menjadikannya tidak sesuai bagi acara-acara seperti bola jarring, bola keranjang, sepak takraw, futsal, badminton dan sebagainya. Implikasinya ialah di mana setiap sekolah akan menggunakan pendekatan secara selektif dalam menawarkan kegiatan-kegiatan kokurikulum di sekolah masing-masing berdasarkan kepada kekuatan prasarana yang mereka ada dan bersesuaian dengan keperluan kegiatan-kegiatan berkenaan. Cabaran besar yang dihadapi dari kekurangan prasarana dan kemudahan fizikal ini ialah di mana penglibatan sekolah-sekolah hanya sekadar menyertai kejohanan atau pertandingan yang dikendalikan kerana pelajar-pelajar tidak menerima dan tidak mampu untuk mengembangkan bakat yang ada dalam diri mereka secara konsisten memandangkan latihan-latihan dan perkembangan tidak dapat dijalankan di peringkat akar umbi ini dan perkara ini menjadi isu kepada sukarnya

mencari atlit yang berkaliber dan berpotensi bagi mewakili negara kerana bilangannya yang terhad dan sedikit.

2. Penambahan peralatan-peralatan kegiatan kokurikulum

Isu ini juga menjadi cabaran kepada sekolah-sekolah dalam melaksanakan kegiatan-kegiatan kokurikulum. Sebahagian besar peralatan-peralatan yang diperlukan ini tidak terdapat dalam pasaran dalam negeri dan kalau ada pun harganya agak mahal. Peralatan-peralatan sukan mempunyai kos yang tinggi terutama yang bersifat teknikal. Keadaan ini menyebabkan peralatan-peralatan yang ada di sekolah terhad dan ada pula sekolah yang tidak mempunyai peralatan-peralatan yang diperlukan untuk memenuhi hasrat mereka untuk memperluaskan pilihan-pilihan bagi kegiatan-kegiatan kokurikulum yang ditawarkan. Jabatan pendidikan Kokurikulum hanya membekalkan peralatan-peralatan yang berkaitan dengan pertandingan atau kejohanan yang dianjurkan sahaja dan itu pun terhad kepada sekolah-sekolah yang menjadi tuan rumah atau yang menyertai kejohanan tersebut. Ini bermakna sekolah sering menghadapi masalah dari segi ketidacukupan dan ketidak sempurnaan peralatan sukan dan permainan bagi aktiviti kokurikulum. Keadaan ini memerlukan pengurus-pengurus sekolah mencari alternatif lain dengan memohon tajaan dalam bentuk barangan atau peralatan ataupun mereka terpaksa meminjam dan adakalanya menyewa kemudahan-kemudahan peralatan yang disediakan di agensi-agensi kerajaan atau pihak swasta.

3. Peningkatan kemahiran dan latihan di kalangan guru-guru

Guru-guru mempunyai kompetensi yang tinggi dalam bidang pedagogi dan kurikulum mata pelajaran tetapi sedikit yang berkemahiran dalam bidang-bidang kegiatan luar. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh pengkhususan dalam jurusan yang mereka ceburi sewaktu mengikuti kursus ikhtisas pendidikan yang lebih tertumpu kepada metodologi dan pedagogi pengajaran subjek yang mereka ajar. Memandangkan kekurangan yang begitu kritikal dalam disiplin-disiplin tertentu latihan perguruan banyak tertumpu bagi memenuhi keperluan disiplin-disiplin berkenaan dan menjejaskan bidang pendidikan jasmani. Implikasinya ialah negara mengalami kekurangan guru-guru Pendidikan Jasmani yang berkelayakan dan berkemahiran dan dengan sebab itu juga sedikit sahaja kurikulum pendidikan jasmani itu yang dapat dikendalikan sejajar dengan kemahiran-kemahiran sukan dan permainan. Di setengah-setengah sekolah pendidikan jasmani diadakan seadanya sahaja tanpa mengikut skim pengajaran yang bersistematik.

Minat guru terhadap kegiatan kokurikulum juga begitu terbatas kerana 90% masa mereka tertumpu bagi membantu pelajar-pelajar mempersiapkan diri bagi menghadapi peperiksaan-perpeiksaan awam manakala pemilihan guru-guru untuk mengikuti latihan-latihan anjuran kokurikulum terhad kepada guru-guru pendidikan jasmani atau guru pengawas kokurikulum sahaja. Situasi ini menjadi cabaran bukan hanya dalam meningkatkan kuantiti penglibatan guru malahan juga dalam mempelbagaikan kemahiran-kemahiran dan seterusnya melahirkan pakar-pakar dikalangan pendidik.

4. Penambahan Sumber Kewangan

Sumber kewangan juga merupakan faktor yang menyebabkan institusi pendidikan memilih dan menghadkan aktiviti-aktiviti dalam semua kegiatan kokurikulum. Kewangan ini biasanya bertujuan untuk membiayai kegiatan-kegiatan yang hendak dilaksanakan, membeli peralatan-peralatan yang diperlukan, penyewaan tempat, pembelian pakaian untuk pasukan, menyediakan makan minum dan adakalanya pula untuk penyewaan pengangkutan. Sekolah-sekolah bergantung kepada tabung kutipan yuran tahunan, sewa kantin dan peruntukan sebagai tuan rumah bila mengendalikan satu-satu pertandingan. Penggunaan kewangan ini juga terhad dan diagihk-agihkan untuk memenuhi berbagai keperluan seperti keperluan akademik, program-program sekolah dan sebagainya. Keadaan ini begitu ketara di peringkat institusi pendidikan rendah memandangkan bilangan murid yang kecil dan peruntukan tahunan yang kecil.

5. Penambahan Bantuan dan Sokongan

Kegiatan-kegiatan kokurikulum juga bergantung kepada berbagai faktor bantuan dan sokongan dari berbagai pihak, sama ada pihak dalaman mahupun pihak luar. Pihak dalaman biasanya terdiri dari bantuan sokongan pentadbir-pentadbit sekolah, guru-guru dan juga penglibatan pelajar-pelajar. Dalam banyak pertandingan atau kejohanan, sokongan moral sangat diperlukan untuk menghidupkan semangat bersaing serta keyakinan untuk mencipta pencapaian yang terbaik. Sokongan ini masih pada tahap yang rendah dikalangan warga sekolah dan guru. Banyak kejohanan dan pertandingan yang

diadakan tidak mempunyai penonton mahupun penyokong. Adalah diakui faktor penonton dan penyokong ini berperanan dalam mendorong semangat bertanding yang tinggi. Manakala bantuan dan sokongan pihak luar itu termasuklah dari ibu bapa penjaga pelajar, masalah kenderaan dan pengangkutan awam, bantuan dan tajaan dari pihak swasta dan persendirian. Kurangnya bantuan, penglibatan dan ditambah pula dengan persepsi yang negatif terhadap kegiatan-kegiatan kokurikulum menjejaskan kelancaran dan kemajuan dalam bidang-bidang yang hendak dimajukan.

6. Peningkatan penglibatan dan komitmen pelajar dalam kegiatan kokurikulum

Dalam era ledakan teknologi yang pesat berkembang terdapat berbagai-bagai daya tarikan yang menarik minat pelajar-pelajar. Peranan media masa dalam mengiklankan produk-produk pemasaran dan hiburan secara tidak langsung menjadi cabaran kepada penglibatan pelajar-pelajar dalam kegiatan kokurikulum. Kemudahan perkhidmatan internet menyebabkan pelajar-pelajar lebih cenderung untuk duduk berjam-jam lamanya di depan komputer menerokai dunia siber yang baru. Ada yang sanggup lari dari sekolah asalkan dapat melayari internet di pusat-pusat komersil yang berdekatan walaupun kemudahan internet itu sudah terdapat di sekolah-sekolah dan kelab komputer ditawarkan sebagai kegiatan akli. Dunia hiburan seperti cekera padat, cekera padat digital dan cekera padat video juga mempengaruhi pelajar-pelajar untuk duduk berjam-jam menonton hiburan di depan kaca televisyen atau di pawagam-pewagam daripada berkecimpung dalam kegiatan kokurikulum kerana ianya memberikan kepuasan kepada mereka

menonton gelagat bintang filem yang mereka minati dan irama muzik yang menghiburkan. Begitu juga halnya dengan teknologi permainan animasi yang dikenali sebagai “play station 1” dan “play station 2” juga merupakan daya tarikan kepada pelajar-pelajar untuk meluangkan masa berjam-jam lamanya bermain di depan kaca televisyen. Banyak unsur-unsur seperti yang diperkatakan ini menyebabkan kurangnya bilangan pelajar yang terlibat dalam kegiatan kokurikulum dan situasi inilah yang menjadi dilemma guru-guru apabila kehadiran pelajar dalam kegiatan yang dianjurkan begitu sedikit.

RUMUSAN

Di sebalik cabaran-cabaran yang dihadapi, kegiatan-kegiatan kokurikulum dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan di sekolah-sekolah berkat dedikasi guru-guru yang berkomitmen tinggi, berinovatif dan kreatif. Latihan-latihan yang diberikan kepada guru-guru dari semasa ke semasa yang dikendalikan melalui usaha sama Jabatan Pendidikan Kokurikulum dengan agensi-agensi kerajaan dan swasta banyak membantu kepada kesinambungan dan penerokaan bidang-bidang baru yang sejajar dengan perkembangan semasa. Sokongan padu Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang DiPertuan dalam menyediakan peruntukan tahunan yang mencecah satu juta ringgit setahun adalah penyuntik dan pencetus kepelbagaian kegiatan kokurikulum. Begitu juga bantuan pihak swasta dalam menghulurkan tajaan, bantuan kewangan, meminjamkan kemudahan yang mereka ada

tidak dinafikan sebagai penggerak dan perangsang kepada keberkesanan pelaksanaan kegiatan kokurikulum di negara ini.

Kita yakin jika cabaran-cabaran itu dapat diatasi, pendidikan kokurikulum di negara ini akan mampu memantapkan kualiti sumber tenaga manusia di masa akan datang untuk mencabar dan menyaingi pencapaian-pencapaian di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa. Malah bukan setakat bidang sukan sahaja yang akan maju tetapi juga kualiti kesihatan, kualiti insan, kualiti kepimpinan, keharmonian hidup bermasyarakat, nila-nilai tradisi dan budaya negara akan terus subur dan berkembang dalam era ledakan teknologi yang pesat berkembang ini.

RUJUKAN

1. Ali Haji Ismail, 1997 – Buku Panduan Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan
2. Ali Haji Ismail, 2000 – Tinjauan dan Pentadbiran Aktiviti Kokurikulum Sukan Dan Permainan di Sekolah-Sekolah Menengah Di Negara Brunei Darussalam – Sarjana Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
3. Vasudevan T. Arasoo, 1987 – Kegiatan Kokurikulum, Penyeliaan dan Pentadbiran, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. Petaling Jaya.
4. Suleiman Haji Mohd Noor, Bakar Haji Besar, Januari – Mei 2005 – Laporan Soal Selidik Kegiatan Kokurikulum Sekolah-sekolah Rendah, Negara Brunei Darussalam.
5. Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam – Pencapaian dan Penilaian 20 Tahun Pendidikan (1984 – 2003) Dan Perancangan 20 Tahun Akan Datang (2004 – 2024).
6. Teks Ucapan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong, Mantan Menteri Kesihatan sempena perasmian Pertandingan Dikir Dibaie Antara Sekolah-Sekolah Menengah Dan Maktab-Maktab Tahun 2004 bertempat di Sekolah Sayyidina Hussain, Jerudong.